

NAMA :

KELAS :

TARIKH :


Graf menunjukkan jumlah kek cawan yang dijual dari bulan Januari hingga Mac 2018 dan maklumat yang berkaitan dengan kek cawan tersebut.

Panjang karangan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.

Tulis ulasan tentang jualan kek cawan itu dalam bentuk perenggan berdasarkan kedua-dua maklumat.

Panjang ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

KBAT Mengaplikasi



Kalau anda masih mencari-cari atau masih tercari-cari buah tangan untuk diberikan kepada para tetamu, dialu-alukan untuk mencuba kek cawan dua perasa ini:

1. Kek cawan - perasa coklat = **RM1.80** sebiji
2. Kek cawan - perasa pandan = **RM1.60** sebiji

Tempahan Kek Cawan, Sila Hubungi:

KEDAI KEC SEDAP

No. 30 & 32, Persiaran Puteri Satu,
Bandar Puteri, 47100 Puchong,
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-80602828

Faks: 03-80611828



**Kek Cawan
sesuai untuk**

- Cenderahati / hadiah
- Buah tangan majlis kenduri perkahwinan
- Buah tangan majlis kesyukuran
- Juadah jamuan Hari Raya
- Juadah jamuan hari keluarga
- Juadah jamuan sambutan hari lahir

NAMA :

KELAS :

TARIKH :

Ulasan Lengkap

Kek cawan keluaran Kedai Kek Sedap, Bandar Puteri, Puchong, Selangor mempunyai dua perasa istimewa, coklat dan pandan. Permintaan kek cawan ini meningkat dari bulan ke bulan kerana sambutan yang sangat baik dan amat menggalakkan daripada para pelanggan.

Selain itu, harga kek cawan yang ditawarkan sangat berpatutan di samping rasanya yang enak dan lazat. Pada masa yang sama, layanan mesra terhadap pelanggan telah menambat hati orang ramai. Seterusnya, tempahan kek cawan banyak diterima adalah untuk majlis kenduri perkahwinan, Kek cawan dijadikan buah tangan pasangan raja sehari serta keluarga pengantin untuk para tetamu jemputan.

Kesimpulannya, tempahan kek cawan boleh dibuat dengan datang terus ke Kedai Kek Sedap beralamat di Nombor 30 & 32, Persiaran Puteri Satu, Bandar Puteri, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan atau boleh menghubungi talian ini, 03-80602828 atau boleh faks terus ke talian, 03-80611828.